

**KEMPEN PULANGAN TUNAI LUAR NEGARA KAD PLATINUM BUSINESS UOBM**  
**TERMA & SYARAT**  
**KAD KREDIT PLATINUM BUSINESS UOBM ("KAD")**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ('UOBM') sedang menjalankan "Kempen Pulangan Tunai Luar Negara Kad Platinum Business UOBM" ("Kempen") dari 11 September 2017 hingga 31 Disember 2017 (kedua-dua tarikh termasuk) melainkan dinyatakan sebaliknya ("Tempoh Kempen").

**KELAYAKAN KEMPEN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Platinum Business UOBM utama dan tambahan ("Ahli Kad Layak") yang mempunyai Kad Kredit Platinum Business UOBM yang dikeluarkan di Malaysia dan:
  - a) Akaun-akaunnya yang dimiliki dengan UOBM adalah semasa, sah, dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara tunggal dan mutlakanya; dan
  - b) Yang tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad Visa/ Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").
2. Berikut adalah mereka yang **tidak** layak untuk Kempen ini :-
  - a) Semua Ahli Kad Debit dan/ atau Kredit Persendirian, Korporat, Pembelian dan Label Persendirian UOBM;
  - b) Ahli Kad Layak yang akaun ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam Tempoh Kempen ini; dan
  - c) Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, bankrap atau mempunyai prosiding undang – undang yang dikenakan terhadap mereka.

**MEKANISMA KEMPEN**

3. Perbelanjaan yang layak untuk Kempen ini bermaksud sebarang perbelanjaan yang dibuat dengan menggunakan Kad Kredit Platinum Business UOBM ("Perbelanjaan Layak") kecuali yang berikut:
  - a. Pendahuluan Tunai;
  - b. Pemindahan Baki;
  - c. Pelan Flexi-Credit ;
  - d. Pembelian Pelan Pembayaran Easi;
  - e. Caj Kewangan;
  - f. Caj Lewat;
  - g. Yuran Tahunan;
  - h. Pecahan transaksi dan / atau tidak sah;
  - i. Penarikbalikan atau bayaran balik;
  - j. Cukai Barangan dan Perkhidmatan ; dan
  - k. Urusniaga lain yang ditentukan UOBM
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, Ahli Kad Layak dikehendaki memenuhi Perbelanjaan Layak minima sebanyak RM10,000 dalam setiap Bulan Mengambil Bahagian ("Kriteria Kelayakkan"). Perbelanjaan Layak bagi semua Ahli Kad Layak dalam setiap syarikat akan digabungkan semasa Kempen ini untuk menentukan sama ada syarikat berikut memenuhi Kriteria Kelayakkan. Untuk mengelakkan keraguan, jika syarikat mempunyai dua (2) Ahli Kad Layak, Perbelanjaan Layak untuk dua (2) Ahli Kad Layak akan digabung untuk menentukan sama ada syarikat berikut memenuhi Kriteria Kelayakkan.
5. Perbelanjaan Layak dikira bermula dari jam 00:00 pada 11 September 2017 sehingga jam 23:59 pada 31 Disember 2017, waktu Malaysia.

**Pulangan Tunai**

6. Ahli Kad layak menerima pulangan tunai tambahan sebanyak 1% ("Pulangan Tunai Tambahan") atas bahagian perbelanjaan mata wang asing bagi Perbelanjaan Layak semasa Bulan Mengambil Bahagian.

Pulangan Tunai Tambahan ini adalah tambahan kepada pulangan tunai Platinum Business yang sedia ada sebanyak 0.3% untuk semua perbelanjaan. Untuk mengelakkan keraguan, perbelanjaan mata wang asing bermakna mana-mana perbelanjaan yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (MYR).

7. Pulangan Tunai Tambahan diperuntukan berdasarkan peruntukan bulanan seperti di Jadual A di bawah, atas dasar siapa dahulu didahulukan:-

Jadual A :

| Bulan Mengambil Bahagian | Tempoh                                | Peruntukan Pulangan Tunai Tambahan (RM) |
|--------------------------|---------------------------------------|---|
| Bulan 1                  | 11 September 2017 – 30 September 2017 | 5,000                                   |
| Bulan 2                  | 1 Oktober 2017 – 31 Oktober 2017      | 5,000                                   |
| Bulan 3                  | 1 November 2017 – 30 November 2017    | 5,000                                   |
| Bulan 4                  | 1 Disember 2017 – 31 Disember 2017    | 5,000                                   |
| <b>Total</b>             |                                       | <b>20,000</b>                           |

8. Pulangan Tunai Tambahan maksima yang akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen berjumlah RM20,000. Jika jumlah Pulangan Tunai Tambahan yang diberi oleh UOBM telah mencapai had Peruntukan Pulangan Tunai Tambahan, tiada Pulangan Tunai Tambahan lanjut yang akan diberikan kepada Ahli Kad Layak seterusnya yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 4 dan 6 di atas.
9. Setiap syarikat layak menerima Pulangan Tunai Tambahan maksima RM100 untuk setiap Bulan Mengambil Bahagian
10. Rujuk Jadual B untuk ilustrasi Kelayakkan Tambahan Pulangan Tunai dan jumlah Pulangan Tunai Tambahan yang diterima.

Jadual B\*

| Contoh | Jumlah Perbelanjaan untuk Bulan Mengambil Bahagian (RM) | Jumlah Perbelanjaan Mata Wang Asing untuk Bulan Mengambil Bahagian (RM) | Layak untuk Pulangan Tunai Tambahan | Jumlah Pulangan Tunai Tambahan (RM) | Pulangan Tunai Tambahan Diterima (RM) |
|--------|---|---|-------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------|
| 1      | 8,000   | 5,000   | No                                  | 0                                   | 0                                     |
| 2      | 10,500  | 5,000   | Yes                                 | $5000 \times 1\% = 50$              | 50                                    |
| 3      | 30,000  | 15,000  | Yes                                 | $15,000 \times 1\% = 150$           | 100                                   |

\*Ilustrasi di atas tidak termasuk pulangan tunai 0.3% yang sedia ada.

11. Perbelanjaan Layak dibuat dalam Tempoh Kempen mesti diperoleh dari sistem kad kredit yang diselenggara oleh UOBM untuk layak mengambil bahagian dalam Kempen ini.
12. Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad Layak.
13. UOBM tidak mempunyai kewajiban untuk memberitahu mana-mana Ahli Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai Tambahan mencapai jumlah peruntukan Pulangan Tunai Tambahan sepanjang Tempoh Kempen.
14. Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad Layak dalam tempoh lapan (8) minggu selepas Bulan Mengambil Bahagian masing-masing. Pulangan Tunai Tambahan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad Layak pada bulan berikutnya.
15. Pada masa pemberian Pulangan Tunai Tambahan, akaun kad kredit Ahli Kad Layak mestilah semasa, sah, wujud dan pada kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM mengikut

budi bicara tunggal dan mutlaknya dan tidak melanggar terma dan syarat ini dan mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Ahli Kad.

16. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama-sama dengan Pulangan Tunai Tambahan dalam semua bahan-bahan bercetak, laman web atau cawangan UOBM adalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan tidak membentuk sebahagian daripada Pulangan Tunai Tambahan.
17. UOBM berhak:
  - (a) Untuk membatalkan Pulangan Tunai Tambahan jika terdapat penarikbalikan transaksi Perbelanjaan Layak untuk penyertaan atau penamatan Kad Kredit Platinum Business UOBM Ahli Kad Layak sebelum Pulangan Tunai Tambahan diberikan kepada Ahli Kad Layak atau ketidakpatuhan atau pelanggaran terma dan syarat ini atau terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian Ahli Kad dengan notis tanpa memberikan apa-apa sebab; dan
18. Pulangan Tunai Tambahan yang diberikan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain.

#### **TERMA DAN SYARAT AM**

19. Ahli Kad Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
20. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, Mastercard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau pihak berkuasa telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tidak layak mendapatkan Pulangan Tunai Tambahan sepanjang Tempoh Kempen ini.
21. Rekod transaksi yang diselenggara oleh UOBM dan keputusan UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Ahli Kad Layak. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab atau membuat apa-apa surat-menyerut dengan mana-mana pihak berhubung apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyerut dari mana-mana Ahli Kad Layak akan dilayan.
22. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak diberi kuasa berhubung dengan Kempen dan / atau Pulangan Tunai Tambahan yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
23. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad Layak dan / atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan Pulangan Tunai Tambahan, melainkan jika timbul daripada kecuaiannya UOBM atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Kempen ini.
24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan Pulangan Tunai Tambahan dalam Kempen ini.
25. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

26. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlakny, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad Layak melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun dan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari masa ke semasa.
27. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlakny untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan member notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad Layak sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
28. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**TAMAT**